

menjelang TAHUN-TAHUN  
**PERSARAAN**  
ANDA



# APAKAH ITU PERSARAAN?

Persaraan adalah mengenai keupayaan memilih sama ada untuk terus bekerja atau tidak. Anda berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk membuat keputusan itu jika anda memulakan perancangan persaraan lebih awal. Berikut adalah beberapa petunjuk sama ada ini masanya untuk mempertimbangkan persaraan - jika anda:

Mempunyai rumah yang sudah pun dibayar sepenuhnya



Tidak mempunyai hutang yang belum dilunaskan



Memiliki perlindungan insurans kesihatan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan perubatan



Mempunyai simpanan atau pendapatan pasif yang cukup untuk menampung gaya hidup anda selepas bersara



Mungkin inilah masanya untuk mengetahui maksud perancangan untuk persaraan. Terus membaca!

## KANDUNGAN

# PRA PERSARAAN

3

BUAT PERANCANGAN PERSARAAN

3

NILAI SITUASI SEMASA ANDA

5

TUTUP JURANG SIMPANAN

6

RANCANG WARISAN ANDA

# PERSARAAN

11

SEMAK SEMULA PERANCANGAN PERSARAAN ANDA

11

MENGELUARKAN SIMPANAN CPF ANDA

12

MENGURUS PERBELANJAAN ANDA DAN KEKAL SIHAT

13

LINDUNGI DIRI DARIPADA PENIPUAN

PANDUAN RINGKAS UNTUK MENGGUNAKAN KOD QR:



Arahkan kamera telefon bimbit anda pada kod QR



Imbas kod QR



Kod QR akan dimuat turun dengan serta-merta



Anda akan dibawa ke laman web secara langsung

# PRA PERSARAAN



**B**ilakah anda harus mula merancang untuk persaraan? Jawapannya adalah mudah: secepat mungkin yang anda boleh.

Sebaik-baiknya, perancangan persaraan harus bermula sebaik sahaja anda menerima gaji pertama anda. Semakin cepat anda memulakannya, lebih banyak masa yang anda ada untuk membina tabiat yang baik dan meningkatkan simpanan anda untuk persaraan. Anda belum terlambat lagi untuk memulakannya. Berikut adalah beberapa perkara yang perlu anda pertimbangkan ketika merancang persaraan anda.

## 1 BUAT PERANCANGAN PERSARAAN



Tentukan matlamat persaraan anda – bilakah anda merancang untuk bersara? Berapa anggaran yang anda perlukan untuk bersara dengan gaya hidup yang anda harapkan? Mulakan dengan Alat Perancang CPF. Alat ini menonjolkan bayaran CPF anda dan memberi cadangan untuk membuat sebahagian besar simpanan CPF anda untuk mencapai matlamat anda.



Imbas saya untuk mengakses Alat Perancang CPF - pendapatan persaraan



## 2 NILAI SITUASI SEMASA ANDA

- Semak dan anggarkan wang simpanan, CPF dan pelaburan yang akan anda miliki apabila anda bersara.

Jika anda dilahirkan pada tahun 1958 atau selepas, dan mempunyai sekurang-kurangnya \$60,000 dalam simpanan persaraan CPF anda apabila anda mencapai usia kelayakan menerima bayaran anda, anda akan disertakan dalam CPF LIFE (Pendapatan Sepanjang Hayat Bagi Orang Yang Lanjut Usia)\*. Anda boleh menyemak anggaran pembayaran CPF LIFE anda dengan menggunakan Alat Perancang CPF.

**\*CPF LIFE** merupakan skim anuiti yang memberikan anda bayaran bulanan selagi anda masih hidup.

- Adakah anda memikirkan untuk membeli rumah atau masih belum melunaskan pinjaman perumahan anda?

- Jika anda sedang memikirkan untuk membeli rumah, pilih rumah yang anda mampu dan cuba untuk ketepikan lebih banyak simpanan untuk keperluan persaraan anda di masa hadapan.
- Jika anda menggunakan atau merancang untuk menggunakan simpanan Akaun Biasa CPF (OA) anda bagi membayar pinjaman perumahan anda, sila ambil kira perubahan pada kadar peruntukan CPF semakin anda berusia, kerana ini akan menjejaskan simpanan OA yang tersedia untuk bayaran ansuran pinjaman perumahan anda.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kadar peruntukan CPF yang terkini.



## BERSARA TANPA HUTANG

Tetapkan matlamat untuk melunaskan hutang perumahan anda sepenuhnya sebelum anda bersara. Mulakan pembayaran awal jika boleh supaya dapat menjimatkan pembayaran faedah dalam jangka panjang.

- Jika anda masih belum melunaskan pinjaman perumahan, pertimbangkan untuk membuat Pembayaran Sebahagian Jumlah Pokok (PCR) untuk mengurangkan jumlah faedah yang perlu dibayar ke atas pinjaman perumahan anda. Tiada denda akan dikenakan untuk membuat PCR bagi pinjaman perumahan HDB anda.



Anda boleh mengetahui dengan lebih lanjut mengenai cara membuat PCR di sini.



Sekiranya anda telah mengambil pinjaman dari bank, bertanya dengan bank anda jika ada bayaran yang dikenakan, dan juga langkah-langkah untuk membuat PCR.

Semak semula polisi insurans anda – adakah polisi anda itu meliputi kos penjagaan kesihatan anda jika anda diserang penyakit secara tiba-tiba atau mengalami penyakit kronik, kemalangan atau kecacatan?

- Luangkan masa untuk memahami dan menyemak semula perlindungan insurans anda kerana keperluan insurans anda dan harga premium mungkin berubah semakin usia anda meningkat. Pastikan anda mengetahui sama ada terdapat perbelanjaan yang perlu anda bayar dari saku sendiri atau terdapat batasan untuk memilih hospital atau kelas wad bagi rawatan anda.
- Pertimbangkan untuk mendapatkan perlindungan Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh pada 9 kali pendapatan tahunan anda dan perlindungan Penyakit Kritikal pada 4 kali pendapatan tahunan anda. Berbelanja sebanyak 15%\* daripada gaji yang dibawa pulang ke rumah untuk perlindungan insurans.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

\* Pembelian produk terkumpul (cth. Keseluruhan insuran nyawa) mungkin melebihi 15% daripada gaji yang dibawa pulang kerana ia mengandungi kedua-dua unsur pelaburan dan perlindungan.

- Jangan lupa untuk mengambil kira perlindungan **MediShield Hayat**, **ElderShield** dan **CareShield Hayat** (mulai 2020).

**MediShield Hayat** merupakan skim insurans kesihatan asas yang melindungi semua Warga Singapura dan Penduduk Tetap daripada bil hospital yang besar untuk sepanjang hayat, tanpa mengira usia atau keadaan kesihatan.

**ElderShield** merupakan skim insurans asas untuk penjagaan jangka panjang yang memberikan pembayaran tunai setiap bulan jika berlaku kehilangan upaya teruk.

**CareShield Hayat\*** merupakan skim insurans nasional untuk penjagaan jangka panjang yang dibentuk untuk menyediakan perlindungan asas bagi warga Singapura dan Penduduk Tetap dari menanggung kos penjagaan jangka panjang sekiranya berlaku ketidakupayaan teruk, terutama pada usia tua.

*\*Jika anda adalah Warganegara Singapura atau Penduduk Tetap yang lahir pada tahun 1980 atau kemudian, anda akan dilindungi secara automatik pada 1 Oktober 2020 atau apabila anda mencapai umur 30 tahun, walaupun anda mempunyai masalah kesihatan sebelumnya atau mengalami kurang upaya yang teruk. Anda boleh menyertai atau menaik taraf kepada CareShield Hayat jika anda adalah Warganegara Singapura atau Penduduk Tetap yang lahir pada tahun 1979 atau sebelumnya dan tidak mengalami kurang upaya yang teruk. Jika anda adalah Warganegara Singapura atau Penduduk Tetap yang lahir antara 1970 dan 1979, anda akan didaftarkan secara automatik dalam CareShield Hayat mulai 1 Disember 2021, jika anda kini dilindungi di bawah skim ElderShield 400 dan tidak mengalami kurang upaya yang teruk pada peringkat pendaftaran automatik.*

## 3 TUTUP JURANG SIMPANAN

Adakah terdapat kekurangan antara apa yang anda perlukan untuk persaraan dan simpanan yang akan anda perolehi apabila bersara nanti? Berikut adalah beberapa tindakan yang boleh anda lakukan:



- Tingkatkan simpanan persaraan anda melalui **tokokan CPF**. Sebagai alternatif, anda boleh memindahkan simpanan daripada Akaun Biasa kepada Akaun Khas anda (di bawah usia 55 tahun) atau Akaun Persaraan (usia 55 tahun ke atas) sehingga Jumlah Penuh atau Jumlah Dipertingkat.

Anda menikmati kadar faedah yang menarik sehingga 5% setahun (di bawah usia 55 tahun) dan sehingga 6% setahun (usia 55 tahun ke atas) untuk simpanan CPF anda. Anda juga boleh menikmati pelepasan cukai sehingga \$8,000 setiap tahun bagi tokokan tunai untuk diri anda sendiri, sehingga Jumlah Penuh semasa.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

- **Semak Semula** kewangan anda untuk melihat sama ada anda berada di atas landasan yang betul untuk mencapai matlamat persaraan anda.

Pertimbangkan kemungkinan memanfaatkan Skim Persaraan Tambahan (SRS) untuk membina simpanan persaraan anda. SRS adalah skim sukarela bagi menggalakkan individu menabung untuk persaraan, sebagai tambahan kepada simpanan CPF mereka. Pulangan daripada pelaburan ini adalah bebas cukai sebelum ia dikeluarkan dan hanya 50% pengeluaran dari SRS dikenakan cukai apabila anda bersara.



**Melabur** dalam produk yang sesuai – Setelah menyetorkan sebahagian daripada gaji anda untuk mengumpulkan simpanan kecemasan sekurang-kurangnya 3 hingga 6 kali perbelanjaan bulanan anda, fikirkan tentang pelaburan secara tetap untuk meraih manfaat daripada pengkompaunan. Pertimbangkan untuk melabur sekurang-kurangnya 10% daripada gaji yang dibawa pulang.

Pertimbangkan Bon Simpanan Singapura (SSBs) jika anda mahukan cara yang selamat dan fleksibel untuk simpanan jangka panjang. SSBs adalah sejenis sekuriti pemerintah dan disokong sepenuhnya oleh Pemerintah Singapura. Anda boleh mendapatkan kembali pelaburan anda dengan penuh tanpa kerugian modal.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

**Manfaatkan nilai flat HDB** anda untuk menambahkan pendapatan persaraan anda.

Dengan sedikit perancangan tambahan, flat HDB anda boleh menjadi sumber pendapatan yang stabil untuk memenuhi keperluan persaraan anda.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.



**Bantuan** untuk warga berpendapatan rendah dan mereka yang kurang berkemampuan.

Rakyat Singapura yang layak yang dilahirkan pada tahun 1973 atau lebih awal dengan pendapatan yang lebih rendah dan kekayaan yang kurang boleh menerima bonus simpanan persaraan sehingga \$1,500 dan Bonus Medisave daripada pakej Majulah menjelang akhir 2024. Selain itu, para pekerja rakyat Singapura yang layak dan berpendapatan rendah hingga pertengahan boleh menerima sehingga \$1,000 setiap tahun di bawah pakej Bonus Daya Penghasilan dan Jimat Perbekalan (Majulah Package) mulai 2025.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

Langkah-langkah sokongan yang sedia ada seperti skim Daya Kerja, Skim Simpanan Persaraan yang Dipadankan dan Skim Ihsan Senja juga akan dipertingkatkan dari 2025 untuk meningkatkan lagi kecukupan penjagaan kesihatan dan persaraan warga emas yang layak.

## 4 RANCANG WARISAN ANDA BUAT SURAT KUASA BERKEKALAN (LPA)



- LPA membolehkan anda ("pemberi kuasa") melantik sekurang-kurangnya seorang yang anda percayai ("penerima kuasa") untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak anda atas kebajikan peribadi dan/atau harta serta perkara-perkara kewangan, sekiranya anda kehilangan keupayaan mental dan tidak dapat membuat keputusan untuk diri anda sendiri.
- Lanya penting untuk membuat LPA lebih awal supaya penjagaan anda terjamin jika anda kehilangan keupayaan mental. Jika anda tidak mempunyai LPA berdaftar dan anda kehilangan keupayaan mental, ahli keluarga anda tidak akan dapat bertindak bagi pihak anda, terutamanya dalam hal kewangan. Mereka perlu memohon ke mahkamah keluarga untuk dilantik sebagai timbalan anda dan ini akan mengambil masa serta pembelanjaan lebih tinggi.
- Membuat LPA adalah mudah dan harganya berpatutan. Pengecualian yuran permohonan sebanyak \$75 untuk Warga Singapura yang membuat Borang 1 LPA telah dilanjutkan sehingga 31 Mac 2026.



Imbas saya untuk arahan mengenai cara membuat LPA.

### ARAHAN AWAL PERUBATAN (AMD)

- Untuk mengurangkan tekanan ke atas ahli keluarga yang perlu membuat keputusan yang sukar, beritahu doktor anda terlebih dahulu jika anda tidak mahu menggunakan mana-mana rawatan pengekalan hidup untuk melanjutkan nyawa anda sekiranya anda ditimpa penyakit yang tiada harapan sembuh dan tidak sedarkan diri.



Imbas untuk mengetahui lebih lanjut mengenai membuat AMD.

### PERANCANGAN PENJAGAAN AWAL (ACP)

ACP ialah cara untuk memberitahu keluarga dan doktor anda bagaimana anda mahu dijaga sekiranya anda tidak dapat membuat keputusan untuk diri anda sendiri. ACP membolehkan anda membuat keputusan ini lebih awal sebelum anda mengalami keadaan tersebut, membincangkan nilai-nilai yang mendasari keputusan ini, menuliskan hasrat anda dan menjelaskannya kepada orang yang anda sayangi. Ini termasuk:

- Resusitasi (atau pernafasan dari mulut ke mulut) dan sokongan hayat
- Memberi makanan melalui tiub secara tetap
- Pembedahan berisiko tinggi
- Kemasukan ke Unit Penjagaan Intensif (ICU)

ACP adalah untuk semua orang, tanpa mengira usia atau keadaan kesihatan mereka. Ia boleh dilakukan dengan tiga cara mudah:

1



Lawat [go.gov.sg/plan-acp](http://go.gov.sg/plan-acp) untuk menggunakan alat perancang ACP elektronik sebagai langkah pertama memulakan perbincangan dengan orang yang anda sayangi.

2



Buat janji temu untuk menemui Fasilitator ACP yang bertauliah di mana-mana pusat ACP untuk mendokumenkan keinginan anda. \*Bayaran mungkin dikenakan.

Senarai pusat ACP boleh didapati directory.

[go.gov.sg/plan-acpnodes](http://go.gov.sg/plan-acpnodes).

3



Tanya penyedia penjagaan kesihatan anda tentang ACP.

## MEMBUAT WASIAT

- Wasiat menjelaskan bagaimana anda ingin mengagihkan aset anda (tidak termasuk simpanan CPF). Dengan adanya surat Wasiat, ia dapat membantu keluarga anda menjimatkan wang dan masa, dan boleh mengelakkan perselisihan.
- Anda boleh membuat Wasiat sendiri tanpa mendapatkan bantuan peguam. Bagaimanapun, perlu anda ketahui bahawa Wasiat anda mungkin dicabar atau dianggap tidak sah jika ia dibuat secara tidak betul atau jelas. Mungkin ada baiknya jika anda bertemu seorang peguam untuk memastikan Wasiat anda itu sah. Ia boleh diubah pada bila-bila masa.
- Sekiranya anda tidak mempunyai Wasiat, aset anda akan diagihkan di bawah undang-undang kematian tanpa wasiat Singapura atau Undang-undang Syariah (jika anda seorang Muslim).



Imbas untuk mencari peguam/pengamal undang-undang.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

## BUAT PENAMAAN CPF

- Penamaan CPF memberikan anda fleksibiliti untuk menentukan bagaimana anda mahu simpanan CPF anda diagihkan dan bahagian simpanan yang akan diterima oleh orang yang anda calonkan itu. Secara automatik, simpanan anda akan diagihkan dalam bentuk wang tunai kepada orang yang anda calonkan.
- Anda boleh membuat penamaan CPF di atas talian atau dengan mengunjungi sebarang Pusat Perkhidmatan CPF.
- Jika anda tidak mempunyai penamaan CPF, simpanan CPF anda akan diagihkan oleh Pejabat Pemegang Amanah Awam (PTO) mengikut undang-undang kematian tanpa wasiat Singapura atau undang-undang Syariah (jika anda seorang Muslim). PTO akan mengenakan yuran pentadbiran untuk pengagihan simpanan CPF anda. Dengan adanya penamaan CPF, orang yang dicalonkan akan menerima simpanan CPF dengan lebih pantas dan mudah.



Imbas untuk mengetahui cara membuat penamaan CPF.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.



## APAKAH YANG AKAN BERLAKU KEPADA SEBUAH FLAT HDB JIKA PEMILIKNYA MENINGGAL DUNIA?

Waris anda seperti suami/ isteri atau anak-anak anda yang tinggal di flat yang sama boleh memilikinya, tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan. Jika tidak ada orang yang layak untuk memiliki flat tersebut, ia boleh dijual di pasaran terbuka sekiranya tempoh penginapan minimum telah dipenuhi.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

# PERSARAAN



**A**pa yang perlu anda ketahui sebelum bersara? Mengetahui pilihan anda boleh membantu anda dalam perjalanan persaraan anda.

## 1 SEMAK PERANCANGAN PERSARAAN ANDA

Semakin anda menghampiri usia persaraan, anda mungkin perlu mempertimbangkan sama ada hendak bersara sepenuhnya atau terus bekerja. Sebelum membuat keputusan, anda perlu memastikan bahawa anda mempunyai rancangan persaraan yang akan dapat memenuhi keperluan sepanjang persaraan anda. Luangkan sedikit masa untuk **menilai keperluan dan keutamaan** anda, serta matlamat anda.

Persaraan sering melibatkan **perubahan gaya hidup** yang ketara. Fikirkan bagaimana anda mahu mula bersara. Seseorang memilih untuk bersara secara beransur-ansur dengan mengurangkan waktu kerja, sebelum bersara sepenuhnya. Ini membolehkan anda membiasakan diri untuk mengurangkan beban kerja dan memberikan anda masa untuk menanam minat atau hobi. Ini juga membolehkan anda mengumpulkan simpanan yang lebih banyak sebelum bersara sepenuhnya.

Sejak 1 Julai 2022, usia pengambilan semula bekerja telah dinaikkan kepada 68. Ini bermakna majikan mesti menawarkan semula pekerjaan kepada pekerja yang layak daripada usia 62 kepada 68 untuk meneruskan pekerjaan dalam organisasi mereka.

Imbas saya untuk mengetahui sama ada anda layak.



- Buat penilaian wang simpanan anda, CPF dan pengeluaran daripada pelaburan untuk menentukan jumlah pendapatan persaraan yang anda ada untuk memenuhi keperluan persaraan anda dan perbelanjaan kehidupan seharian.
- Pertimbangkan untuk memanfaatkan nilai flat anda jika anda perlu mempertingkatkan pendapatan persaraan anda.

## 2 MENGELUARKAN SIMPANAN CPF ANDA


Dari usia 55 tahun, simpanan dari Akaun Khas dan Biasa anda (OSA), sehingga Jumlah Penuh (FRS) anda, akan dipindahkan ke Akaun Persaraan (RA) untuk membentuk jumlah persaraan. FRS boleh diketepikan sepenuhnya secara tunai atau dengan hartanah<sup>1</sup> dan wang tunai sekurang-kurangnya pada Jumlah Asas (BRS). Anda boleh mengeluarkan sehingga \$5,000 daripada OSA anda dan simpanan RA yang melebihi FRS atau BRS<sup>2</sup>. Anda boleh mengeluarkan simpanan sepenuhnya atau sebahagiannya pada bila-bila masa setelah mencapai usia 55 tahun jika anda telah memenuhi kriteria pengeluaran. Dengan PayNow, pengeluaran akan sampai ke akaun bank anda secara serta merta.

<sup>1</sup> Hartanah yang anda miliki mestilah mempunyai baki tempoh pajakan yang boleh menampung anda sehingga anda berusia sekurang-kurangnya 95 tahun.

<sup>2</sup> Tidak termasuk wang tokokan, faedah yang diterima dan sebarang geran yang diberi pemerintah.

- Simpanan anda dalam akaun CPF boleh mendapat faedah sehingga 5% (di bawah usia 55 tahun) dan sehingga 6% (usia 55 dan ke atas). Seberapa boleh, cubalah untuk mengekalkan simpanan yang boleh dikeluarkan daripada akaun CPF anda itu. Anggaplah ia sebagai dana untuk keperluan semasa susah. Keluarkan simpanan itu hanya apabila diperlukan. Mulai 2025, anggota CPF yang berusia 55 tahun dan ke atas boleh menokok lebih banyak wang secara sukarela ke dalam Akaun Persaraan mereka, sehingga 4 kali ganda jumlah BRS, untuk menerima pembayaran bulanan yang lebih tinggi semasa persaraan.
- Anda boleh memohon untuk menerima pembayaran bulanan pada bila-bila masa dari usia kelayakan pembayaran CPF (kini pada usia 65 tahun) hingga 70 tahun. Dengan memilih untuk memulakan pembayaran CPF anda kemudian, simpanan CPF itu boleh terus mengumpulkan faedah, dan ini akan meningkatkan pendapatan persaraan anda pada masa akan datang.

Jika anda tidak memulakan pembayaran bulanan anda pada usia 70 tahun, Lembaga CPF akan melakukannya secara automatik untuk anda (hanya bagi ahli yang berusia 70 tahun selepas 2017).



Jika anda mencapai usia 55 atau 65 tahun, anda boleh membuat janji temu melalui laman Lembaga CPF untuk menghadiri perkhidmatan perancangan persaraan CPF (CRPS) untuk memahami dengan lebih baik pilihan-pilihan yang ada untuk anda.

### 3 URUS PERBELANJAAN ANDA DAN KEKAL SIHAT

- Anda mungkin ingin membuat **bajet bulanan** dan mengawal perbelanjaan anda agar anda hidup mengikut kemampuan anda. Beri perhatian kepada perkara yang melibatkan perbelanjaan yang tinggi, yang mungkin dapat anda kurangkan.

**my**moneysense



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

Anda perlu tahu bahawa perbelanjaan sekali-sekala membeli 4D, Toto atau perjudian sosial boleh cepat bertambah dan ia membawa risiko untuk ketagih. Sekiranya anda bimbang menjadi ketagih, anda boleh memohon pengecualian diri bagi menghalang anda dari mengunjungi kasino tempatan dan bilik-bilik mesin jackpot di kelab swasta.



Sekiranya anda mengesyaki ada orang di sekeliling anda yang ketagihkan perjudian dan memerlukan pertolongan, anda boleh menghubungi **National Council on Problem Gambling's counselling** di **1800-6-668-668** atau **www.ncpg.org.sg**.

- Kekal sihat, libatkan diri secara aktif dan bersosial.** Beri tumpuan pada amalan gaya hidup yang sihat dan aktif dengan kegiatan sosial yang seimbang demi memanfaatkan masa anda sebaiknya. Kekal cergas dan sihat dapat mengurangkan keperluan menemui doktor dan perbelanjaan perubatan yang tidak perlu.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

Pemeriksaan Kesihatan Demi Kehidupan oleh Lembaga Penggalakan Kesihatan (HPB) menyediakan pemeriksaan bersubsidi untuk warga Singapura yang layak. Ketahui pemeriksaan kesihatan yang anda perlu lakukan, berdasarkan usia dan jantina anda.

Anda boleh menggunakan MediSave anda untuk membayar vaksinasi dan pemeriksaan kesihatan yang dipilih.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

Sekiranya anda mempunyai masa lapang, cubalah memberi khidmat sukarela. Menjadi sukarelawan membolehkan anda berkongsi pengalaman, pengetahuan dan kemahiran anda dan menyumbang semula kepada masyarakat.



Imbas saya untuk mengetahui lebih lanjut.

### 4 LINDUNGI DIRI DARIPADA PENIPUAN

- Berhati-hati apabila membeli sesuatu di atas talian atau memindahkan wang ke akaun luar negara.
- Pastikan maklumat peribadi anda atau butiran akaun bank anda, kad kredit/debit atau akaun e-mel disimpan dengan selamat. Jangan mengongsinya dengan orang lain.
- Jangan pindahkan wang kepada sesiapa yang tidak anda kenali. Jika anda menerima panggilan daripada orang yang mendakwa dirinya daripada agensi pemerintah, bertenang dan **sahkan identiti** pemanggil. Hubungi agensi tersebut melalui hotline rasmi atau alamat e-mel mereka. Agensi-agensis pemerintah tidak akan meminta wang melalui telefon. Apabila ragu-ragu, hubungi talian Helpline Anti-Penipuan Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan di 1800-722-6688 untuk mendapatkan nasihat atau lawati scamalert.sg







Tingkatkan pengetahuan anda dengan menghadiri ceramah/  
bengkel percuma yang dijalankan oleh Institut Celik Kewangan.

Ketahui lebih lanjut di [ifl.org.sg](https://www.ifl.org.sg)

## NOMBOR-NOMBOR BERGUNA

Lembaga Tabung Simpanan Pekerja (CPF)	 1800 227 1188	 <a href="https://www.cpf.gov.sg">cpf.gov.sg</a>
Lembaga Penggalakan Kesihatan (HPB)	 1800 223 1313	 <a href="https://www.hpb.gov.sg">hpb.gov.sg</a>
Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB)	 1800 866 3066	 <a href="https://www.hdb.gov.sg">hdb.gov.sg</a>
Institut Celik Kewangan (IFL)	 6950 7538	 <a href="https://www.ifl.org.sg">ifl.org.sg</a>
Kementerian Kesihatan (MOH)	 6325 9220	 <a href="https://www.moh.gov.sg">moh.gov.sg</a>
Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan (NCPC)	 1800 722 6688	 <a href="https://www.scamalert.sg">scamalert.sg</a>
Pejabat Pemegang Amanah Awam (PTO)	 1800 225 5529	 <a href="https://www.pto.mlaw.gov.sg">pto.mlaw.gov.sg</a>